5. Taqiyyah: maksudnya : Berhati-hati demi menjaga diri dan harta benda atau kehormatan diri. Maksud taqiyyah bagi Syiah ialah peraturan rahsia yang disembunyikan daripada orang ramai. mereka berjalan mengikut ajarannya dalam dakwah menuju *imam* mereka yang dinanti-nantikan dan menzahirkan ketaatan kepada sesiapa yang memerintah, sehingga mereka punyai kekuatan seterusnya dapat mengangkat senjata menentang kerajaan yang ada.
6. Menjadikan silsilah khalifah selepas Ali r.a pada keturunan Fatimah r.ha dan keturunan Hussain r.a sahaja, tidak keturunan Hasan r.a.

Syiah Imamiyah telah sepakat bahawa pemimpin pertama adalah Ali bin Abu Talib, kemudian anaknya Hasan, kemudian adiknya Hussain, kemudian anak Hussain iaitu Ali Zainal Abidin. Saidina Husein tidak mewariskan kepimpinannya kecuali kepada Ali Zainal Abidin. pemimpin kelima ialah Muhammad al-Baqir bin Zainal Abidin, kemudian anaknya Imam Jaafar As Sadiq. Selepas salsilah ini syiah imamiyah telah berpecah kerana perselisihan mereka pada salsilah imam kepada beberapa kumpulan. Kumpulan yang paling terkenal ialah syiah 12 Imam dan syiah Ismailiyyah.

٢. ولم يقتصرُوا على القول باستحقاق عليٍّ للخلافة دون سائر الصحابة، بل حكموا على من تولى الخلافة غيره ومن بايعه بمخالفة النصوص، ووصفوهم بالكفر، وحكموا ببطلان خلافتهم، لأنهم معتصبون ظالمون.
٣. إن الاعتراف بالإمام جزء من حقيقة الإيمان، وبدونه يكون الشخص كافراً.
٤. القول باختفاء الأئمة ورجعتهم.
٥. التقية: ومعناها اتخاذ الحيطة والحذر حفاظ على النفس والمال أو العرض والمقصود منها عند الشيعة النظام السري الذي يكتُمونه عن الناس، ويسيروا على تعاليمه في الدعوة إلى إمامهم المنتظر، وإظهار الطاعة لمن بيدهم الأمر، حتى يأمنوا بقوتهم، فيحملوا السلاح في وجه الدولة القائمة.
٦. جعل سلسلة الخلافة بعد عليٍّ في أولاد فاطمة وذرية الحسين دون ذرية الحسن.

وقد اتفق الإمامية على أن الإمام الأول عليّ بن أبي طالب، ثم ابنه الحسن، ثم أخوه الحسين، ثم ابنه علي بن زين العابدين، وليس للحسين عقب إلا منه، والخامس محمد الباقر بن زين العابدين، ثم ابنه الإمام جعفر الصادق، وبعد هذا بدأ انقسام الإمامية لاختلافهم في تسلسل الأئمة إلى فرق متعددة أشهرها الإثنا عشرية والإسماعيلية.

**Syiah Imamiyah** adalah sebahagian daripada umat Islam kerana walaupun mereka berselisih pendapat dalam beberapa perkara dengan umat Islam, namun perselisihan itu tidak menyebabkan mereka terkeluar daripada agama Islam, juga kerana mereka mengiktiraf aqidah islam dan asas islam yang wajib diketahui.

Mereka juga bersaksi bahawa “Tiada tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad itu utusan Allah”, kerasulannya adalah umum, risalah ini adalah risalah yang terakhir, dan mereka beriman dengan para malaikat, kitab-kitab, para rasul dan hari akhirat. Mereka beriman dengan malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul dan hari akhirat, walaupun mereka lupa bahawa para sahabat Rasulullah saw adalah daripada orang Muhajirin dan Ansar, sekiranya di sana terdapat nas (hadis) yang menentukan Ali r.a (sebagai khalifah selepas Rasulullah saw) nescaya mereka tidak akan menyalahinya.

الإجابة:

---

---

---

---

---

---

---

---

والإمامية من فرق المسلمين لأنهم وإن خالفوا جماعة المسلمين في بعض المسائل إلا أن مخالفتهم لا تخرجهم عن ملة الإسلام لأنهم يعترفون بالعقائد الإسلامية وقواعد الإسلام المعلومة من الدين بالضرورة.

فهم يشهدون أن لا إله إلا الله وأن محمدًا رسول الله، ورسالته عامة، وهي خاتمة الرسالات، ويؤمنون بالملائكة، والكتب، والرسول، واليوم الآخر. وإن نسوا أن صحابة رسول الله ﷺ من المهاجرين والأنصار لو كان هناك نص على تعيين عليّ لما خالفوه.

أستئلة:

س ١ - من الإمامية؟ ولماذا سميت بهذا الاسم؟

س ٢ - ما أهم مبادئهم؟

س ٣ ما حكم من تولى الخلافة غير عليّ - كرم الله وجهه - وهل هم من جماعة المسلمين؟ ولماذا.

## FAHAMAN BATINIAH

### (ISMAILIYYAH)

Mereka adalah satu kumpulan daripada Imamiyah yang dinisbahkan kepada Ismail bin Ja'far al-Sadiq, mereka mengatakan beliau sebagai khalifah, tetapi mereka berbeza pendapat tentangnya.

Sebahagian mereka berkata: Dia (Ismail) tidak mati, tetapi bapanya (Ja'far as-sadiq) menggambarkan seolah-olah dia telah mati untuk melindunginya supaya tidak dibunuh. Sebahagian lagi berkata : Dia (Ismail) mati ketika ayahnya masih hidup, tujuan *dinaskan* beliau sebagai khalifah supaya *imamah* itu kekal berada pada keturunannya. Imam ke-7 mereka ialah Muhammad bin Ismail. Kemudian salsilah imamah adalah pada anak-anaknya sehingga sampai kepada imam ke-11 mereka iaitu Abdullah Al-Mahdi, Ketua fatimiyyin. Dan mereka digelar Al batiniyah kerana kata-kata mereka : "Al Quran itu ada zahir dan batinya".

Imam mereka adalah Abdullah Al Mahdi keturunan Ismail bin Jaafar, raja Maghribi dan memerintah Mesir. Namun mengikut sejarah tiada kata sepakat tentang kesahihan keturunan ini.

Sejarah telah membuktikan bahawa orang yang meletakkan asas mazhab Ismailiyah batiniyah adalah berasal daripada golongan majusi dan mereka mencipta ajaran ini untuk menghancurkan Islam. Mereka membuat peringkat-peringkat ajaran ini dimulai dengan mempersoalkan tentang agama ini seperti kata mereka: "Apakah maksud sebenar melontar jamrah?" "Mengapakah solat subuh dua rakaat manakala solat Zohor empat rakaat?" dan sebagainya. Mereka berusaha menghancurkan Islam membuka ikatannya, mereka mentafsir al Quran dan sunnah nabi saw mengikut hawa nafsu mereka. Ini adalah penyelewengan bukannya pentafsiran.

## الفرق الباطنية

### الإسماعيلية

هم فرقة من الإمامية تنسب إلى إسماعيل بن جعفر الصادق وتقول بإمامته ولكنهم اختلفوا في موته.

فمنهم من قال: إنه لم يموت ولكن والده أظهر موته تقية عليه حتى لا يقصد بالقتل. ومنهم من قال: إنه مات في حياة والده وفائدة النص عليه بقاء الإمامة في نسله. والإمام السابع عندهم محمد بن إسماعيل، ثم تتسلسل الإمامة في أولاده حتى تصل إلى الإمام الحادي عشر منهم وهو عبد الله المهدي رأس الفاطميين، وهؤلاء أطلق عليهم اسم الباطنية لقولهم: "إن للقرآن ظاهراً وباطناً".

وإمامهم عبد الله المهدي الذي انتسب إلى إسماعيل بن جعفر وملك المغرب واستولى على مصر ولم يتفق تاريخي على صحة هذا النسب.

وقد أثبت التاريخ أن من وضعوا أساس مذهب الإسماعيلية الباطنية من أولاد المجوس وضعوا تعاليم لهدم الإسلام ودرجوها تسع درجات تبتدئ بالتشكيك في الدين كقولهم: ما معنى رمي الجمار؟ ولم كانت الصبح ركعتين والظهر أربعاً؟ وهكذا. وتنتهي بهدم الإسلام والتحلل من قيوده، وأولوا القرآن الكريم وسنة النبي ﷺ بما يوافق هواهم فكان تحريفاً لا تأويلاً.

### Asas kepercayaan mereka

1. Mengatakan bahawa alam ini sedia kala dan mempunyai dua pentadbir: pertama: Allah swt dan kedua: jiwa (manusia).
2. *Imam* (khalifah/ketua negara) ditentukan dengan nas (hadis), bukan dengan cara pilihanraya. Ia adalah seorang yang maksum (terpelihara) daripada dosa kecil dan dosa besar.
3. Al-Quran mempunyai pengertian yang zahir dan pengertian yang batin yang hanya diketahui oleh para *imam* sahaja, kerana mereka mewarisi ilmu batin dan tidak ada erti untuk berpegang dengan perkataan Al-Quran sahaja, bahkan wajib memahaminya melalui cara ta'wil dan kiasan.
4. Mereka tidak beriman dengan ilmu atau dengan hadis kecuali apa yang diriwayatkan daripada *imam-imam* mereka.
5. Mengkafirkan orang yang merampas khalifah daripada Imam Ali.
6. Para Nabi adalah panduan bagi semua orang, manakala orang yang berkedudukan para nabi mereka adalah ahli falsafah. *Syi'ar* agama (perintah agama) adalah untuk orang awam, manakala orang yang berkedudukan mereka tidak diwajibkan beramal dengannya.
7. Mengingkari mukjizat para nabi.
8. Menghalalkan perkara yang diharamkan

Kumpulan ini telah muncul pada zaman kerajaan Abbasiyah dan masih kekal hingga ke hari ini di India, Parsi, Zanzibar, Syam dan Teluk Parsi.

Ismaili Agha Khan memimpin satu kumpulan Ismailiyyah, yang kemudiannya digantikan oleh salah seorang cucunya. Para pengikutnya akan memberikan hadiah dan harta pada setiap tahun.

### أهم مبادئهم

١. القول بقدم العالم وأن له مدبرين: الأول الله، والثاني النفس.
٢. الإمام يعين بالنص لا بالانتخاب، وهو معصوم من الصغائر والكبائر.
٣. للقرآن معنى ظاهر، ومعنى باطن لا يعلمه إلا الأئمة، لأنهم ورثوا علم الباطن، ولا معنى للتمسك بحرفية القرآن، ويجب فهمه على طريقة التأويل والمجاز.
٤. لا يؤمنون بعلم ولا بحديث إلا ما روي عن أئمتهم.
٥. تكفير من اغتصبوا الخلافة من الإمام علي.
٦. الأنبياء سواس العامة، أما الخاصة فأنبياءهم الفلاسفة، فالشعائر الدينية للعامة، أما الخاصة فلا يلزمهم العمل بها.
٧. إنكار معجزات الأنبياء.
٨. إباحة المحرمات والمحارم.

وقد ظهرت هذه الطائفة في عهد الدولة العباسية ولا يزال لها بقايا إلى اليوم في الهند وفارس ووزنجبار والشام والخليج الفارسي.

ويتزعم فريقا من الإسماعيلية أغاخان الزعيم المشهور وخلفه أحد أحفاده ويقدم إليه أتباعه الهدايا والأموال كل عام.



Pemimpin-pemimpin Ismailiah mengubah dan menukar dasar-dasar mengikut hawa nafsu mereka sedangkan pengikut mereka menpercayai bahawa pemimpin mereka mempunyai kemampuan menguruskan perkara dunia dan akhirat. Setiap kali berlalunya masa maka bertambah rosaklah mazhab mereka dan hasil daripada perbuatan mereka itu, manusia mendapat keburukan yang besar.

Antara kumpulan yang terbit dari Ismailiyyah adalah **kumpulan Bohrah**, yang berakar ubi di beberapa bandar di India dan Daruz yang lahir sebagai ideologi pemikiran dalam mazhab Ismailiyyah yang dipengaruhi oleh falsafah Yunani. Sesetengah pengkaji menganggap kumpulan ini sebagai agama baru kerana dasarnya yang tersendiri untuk membeza agama mereka dari agama lain, dan **kumpulan al Qaramitah** yang berada di semenanjung tanah Arab. Kumpulan-kumpulan ini semuanya menggunakan akal fikiran sebagai faktor utama dalam pensyariatian (peraturan kehidupan).

الإجابة:

---

---

---

---

---

---

---

---

وزعماء الإسماعيلية يغيرون ويبدلون في المبادئ حسب أهوائهم، وأتباعهم يعتقدون أن لهم التصرف في أمور الدنيا والآخرة، وكلما امتد الزمان زاد مذهبهم فساداً، ولحق الناس من أعمالهم شر كبير.

ومن الطوائف المنبثقة من الإسماعيلية طائفة البهرة والتي لها جذور عند بعض مدن الهند والدروز الذين نشأوا كتيار فكري في المذهب الإسماعيلي متأثر بالفلسفة اليونانية، وقد عدها البعض نظراً لتفرد مبادئهم ديناً مستقلاً والقرامطة الذين اجتاحتوا شبه الجزيرة العربية، وكل هذه الطوائف تجمع على العقل كعامل أساسي في التشريع.

الأسئلة:

س ١: من الإسماعيلية ومن إمامهم؟

س ٢: ما أهم مبادئهم؟ وكيف كانت هذه المبادئ معولاً لهدم الدين الإسلامي؟

## AL-BAHAIYAH

Kumpulan ini lahir dengan nama al Babiyah yang dinisbahkan dengan pemimpin pertama mereka yang bernama "Albab". Setelah dia mati, dilantik al Baha' sebagai khalifahnya Albab lalu kumpulan ini dinamakan Al Bahaiyah iaitu dinisbahkan kepadanya. Pemimpin-pemimpin kumpulan ini banyak menambah dan mengurangkan pada dasar-dasar kumpulan ini mengikut hawa nafsu mereka. Berikut penjelasan tentang kumpulan ini.

Lahirnya kumpulan Babiyah ini di negara Iran yang dipimpin oleh Mirza Ali Muhammad yang dilahirkan di Syiraz pada tahun 1819 M.

Dasar-dasar kumpulan ini berdasarkan kepada pemikiran batiniyyah, antara dakwahnya dengan nama *Al Mahdi al Muntazar* (Imam Mahdi yang dinantikan-nantikan), kemudian di sebalik dakwaan ini, mereka berusaha untuk menghapuskan syariat Islam.

Oleh kerana itulah pemimpin kumpulan ini menggelarkan dirinya dengan "Al bab" (yang menyampaikan dasar-dasar Syiah daripada *Al Mahdi al Muntazar*) dan dinamakan kumpulan ini dengan nama "al Babiyah".

Kemudian Mirza Ali Muhammad mendakwa dirinya sebagai *Al Mahdi Al Muntazar*, kemudian mendakwa menjadi nabi dan rasul, dan bahawa Allah swt telah mewahyukan kepadanya kitab "Al Bayan" yang memansuhkan kitab Taurat, Injil dan Al Quran, kemudian mendakwa dirinya sebagai Nabi Isa yang dinantikan, sehingga akhirnya dia mengaku dirinya adalah Tuhan.

Setelah beliau menghebahkan pengangannya, Kerajaan Iran bertindak memenjarakan, menyiksa dan membunuhnya berpandukan fatwa ulama' pada tahun 1850 M.

## البهائية

ظهرت هذه الفرقة باسم البابية نسبة لأول زعيم لها المسمى (الباب) ولما مات وتولى خليفته البهاء سميت البهائية نسبة إليه، وزعماء هذه الطائفة يزيدون في مبادئهم وينقصون تبعاً لهواهم، وإليك البيان.

نشأت طائفة البابية في دولة إيران على يد المرزا علي محمد المولود في شيراز سنة ١٨١٩ م.

وترجع مبادئ هذه الطائفة إلى فكرة الباطنة، من الدعوة باسم المهدي المنتظر، ثم العمل من وراء هذه الدعوى على إبطال الشريعة الإسلامية.

ولهذا لقب زعيم هذه الطائفة نفسه بالباب (أي المبلغ عن المهدي المنتظر مبادئ الشيعة) وسميت طائفته باسم البابية.

ثم ادّعى أنه المهدي المنتظر، ثم ادّعى النبوة والرسالة، وأن الله أوحى إليه بكتاب (البيان) الناسخ للتوراة والإنجيل والقرآن، ثم ادعى أنه المسيح المنتظر، ثم ارتقى إلى إدعاء الألوهية.

ولما أعلن مبادئه سجنته حكومة إيران وعذبته وقتلته وبفتوى من العلماء في سنة ١٨٥٠ م.

Beliau menyerahkan khalifah menggantikannya selepas kematiannya kepada salah seorang pengikutnya Mirza Yahya yang digelar sebagai 'Subh Azal' dan saudaranya Mirza Husain yang digelar sebagai 'Al Baha'.

Selepas kematian Mirza Muhammad Ali, kedua-dua saudara ini dan pengikut mereka dihalau ke Baghdad kemudian ke Kostantinopel dan kemudian ke Adranah. Di sana dua bersaudara ini bertelingkah dan masing-masing mendakwa bahawa Allah swt telah memberi wahyu kepadanya dengan kitab yang membenarkan dakwaannya dan mendustakan dakwaan saudaranya, lalu kerajaan Turki memisahkan antara mereka. Mirza Yahya dikenakan hukuman buang negeri di Cyprus dan dipenjarakan di sana, manakala al Baha' (Mirza Husain) dikenakan hukuman buang negeri di Acre, Palestin dan dipenjarakan di sana. Berakhir pengikut al Babiyah kepada pengikut al Baha'iah. Peluang yang ada berpihak kepada al Baha' dan pengikutnya, maka lahirlah kumpulan al Bahaiyah menggantikan kumpulan al Babiyah. Al Baha' mengikuti cara generasi sebelumnya iaitu mengaku sebagai *khalifah Al Bab*, Kemudian mengaku sebagai Imam Al Mahdi, kemudian mengaku sebagai Nabi dan Rasul. Kemudian beliau mendakwa diturunkan wahyu kepadanya dengan Kitab (Aqdas) yang memansuhkan semua kitab sebelumnya. Kemudian beliau mendakwa dirinya adalah Tuhan kerana Allah swt bertajalli (menjelma) padanya sebagaimana dia akan bertajalli (menjelma) pada khalifah-khalifah selepasnya.

Beliau menyerahkan khalifah menggantikannya selepas kematiannya kepada anaknya Abbas yang dikenali sebagai Abdul Baha'. Semua penganut Baha' patuh kepada setiap khalifah selepas al Baha', mereka mengagung dan menyembahnya seperti sembah mereka kepada al Baha'. al Baha' meninggal dunia di Bandar Acre, Palestin pada tahun 1892. Selepas kematian al Baha', khalifahnya beralih kepada Abbas yang digelar dengan "Ghasnul A'azam" beliau ke Mesir dan di sana beliau mengasas dakyah Bahaiyah pada tahun 1892.

وكان قد عَهَدَ بالخِلافة عنه بعد وفاته إلى أحد أتباعه المدعو مرزا يحيى الملقب بصبح أزل وأخيه المرزا حسين الملقب بالبهاء.

وقد نفيا وأتباعهما بعد وفاته إلى بغداد. ثم إلى القسطنطينية. ثم إلى أدرنة. وفيها تنازع الأخوان وادعى كل منهما أن الله أوحى إليه بكتاب يصدّق دعواه ويكذب دعوة أخيه، ففرقت بينهم الحكومة التركية، ونفت الأول إلى قبرص وسجنته في قلعتها، ونفت البهاء في عكا وسجنته في قلعتها، وكانت نهاية البابين على يد البهائيين، فخلا الجو للبهاء وأتباعه، وظهرت البهائية خلفا للبايية، وسلك البهاء طريق سلفه في دعواه بأنه خليفة الباب، ثم المهدي المنتظر، ثم النبوة والرسالة، ثم الوحي إليه بكتاب (الأقدس) الذي نسخ جميع الكتب السابقة، ثم ادعى الألوهية لأن الله تجلى فيه كما سيتجلى في خلفائه من بعده.

وقد عهد بالخِلافة من بعده إلى ابنه عباس المسمى عبد البهاء، وقد دان البهائيون لكل خليفة بعد البهاء، وقدسوه وعبدوه مثل عبادتهم للبهاء، وهلك البهاء في مدينة عكا ١٨٩٢، وقام بالأمر من بعده خليفته عباس الملقب بغصن الأعظم، ونزل مصر، وأسس فيها الدعوة للبهائيين سنة ١٨٩٢م.

Pengikut al Bahaiah percaya dengan perubahan aqidah itu mengikut keperluan manusia dan menganggapnya satu jenis bentuk tarbiah ketuhanan. Kumpulan al Bahaiyah dalam piagam baru bagi pengikutnya adalah sebuah agama tersendiri yang mempunyai kitab sucinya sendiri. Agama al Bahai – seperti yang digambarkan oleh pengikutnya – mengiktiraf semua agama terdahulu adalah sama tujuannya berkait antara satu sama lain, tetapi hukum hakam dan ajaran agama al Baha’i hadir sesuai dengan keperluan semasa dan tuntutan perkembangan dan kemajuan. Ianya juga hadir untuk menghimpunkan agama-agama terdahulu menjadi satu agama dan berfungsi menyeragamkan antara ilmu dan agama, menyamakan hak antara lelaki dan perempuan dalam semua aspek mengikut perspektif keperluan zaman moden. Kumpulan al Bahai’ begitu aktif di Mesir pada tahun 2011 mengikut ‘dasar yang berkilau’ dimana mereka mendakwa tanda-tanda ketuhanan yang turun kepada nabi mereka Abdul Bahai yang antaranya menyebut tentang hak samarata antara lelaki dan perempuan dalam semua perkara termasuklah poligami.

Penyatuan di antara agama-agama dan mencairkannya dalam satu agama adalah *al Din al Khalil* (agama kekasih)

**Pengikut al Bahai’ berdasarkan piagamnya terbahagi kepada tiga kumpulan:**

1. **Al-Abbasiun:** Mereka menganggap Abbas Abdul Bahai’ adalah al Ghasnu al A’azam (Waris Teragung) dan tempat perjanjian.
2. **Al-Muwahiddun:** Mereka adalah pengikut Mirza Muhammad Ali iaitu kumpulan yang sangat sedikit bilangan kerana perselisihan dengan kumpulan sebelumnya (pengikut Abbasiyyun).

ويعتقد البهائيون بتطور العقيدة على حساب حاجات البشر ويعدون ذلك نوعا من أنواع التربية الإلهية، فالبهائية في الوثائق الحديثة عند أصحابها دين مستقل بذاته، له كتبه المقدسة، ويرى الدين البهائي – كما يعبر أصحابه – ويعترف الدين البهائي بأن كل الأديان السابقة متحدة في أهدافها متكاملة في وظائفها متصلة في مقاصدها إلا أن أحكام وتعاليم الدين البهائي جاء وفق مقتضيات العصر ومتطاباته من الرقي والحضارة، جاء ليجمع الأديان في دين واحد ويعمل على التوفيق بين العلم والدين ويسوي بين الرجال والنساء في كل شيء وذلك في ضوء احتياجات العصر الحديث، وقد كان للبهائية نشاط ملحوظ في مصر في عام ٢٠١١ في ضوء مبادئ براءة يرونها مستخلصة من الآيات الإلهية التي نزلت على نبيهم عبد البهاء والتي منها المساواة بين الرجل والمرأة في كل شيء حتى في التعدد.

الوحدة بين الأديان وإذابتها في دين واحد هو الدين الخليلي.

**وقد انقسم البهائيون بأصل الحديث إلى ثلاثة أقسام:**

١. العباسيون: الذين يعتبرون عباس عبد البهاء هو الغصن الأعظم ومركز العهد والميثاق.
٢. الموحدون: وهم أتباع مرزا محمد علي وهي طائفة قليلة جدا نظرا لاضطهادهم من الطائفة السابقة.

3. **Ortodoks**:- Mereka yang mengaggap Charles Mason sebagai pemimpin mereka dan mengasaskan kumpulan “Rex King” di Las Vegas dan New Mexico, Amerika Syarikat.

### Asas kepercayaan kumpulan al Bahaiyah

1. Wahyu mempunyai tafsiran yang tinggi dan kefahaman yang tersembunyi yang hanya diketahui oleh Tuhannya iaitu Al Bahàì. Al - Quran mempunyai bentuk tersurat & tersirat dan hanya diketahui oleh Allah iaitu al Bahàì. Berdasarkan dasar ini mereka mengubah ayat-ayat al quran mengikut hawa nafsu mereka. Setiap perkataan al Quran itu seperti perkataan kiamat, hari kebangkitan dan seumpamanya adalah gambaran sebenarnya kemunculan al Bahàì. Perkataan “syurga” adalah kiasan tentang orang yang memeluk agamanya, perkataan “neraka” adalah kiasan tentang orang yang kufur dengan agamanya, perkataan “hari kiamat” adalah hari kemunculannya, perkataan “berjumpa Allah swt” adalah berjumpa dengan al Bahai, perkataan “tiupan sangkakala” adalah berdakwah secara terang-terangan, perkataan “langit dan bumi yang bergoncang” adalah kiasanbagi terbatalnya agama lain dengan adanya agama beliau.
2. Mengatakan nabi Isa a.s mati disalib dan tidak kembali sendiri, tetapi rohnya akan masuk ke dalam tubuh orang lain iaitu Al-Bahai atau khalifahny.
3. Mengingkari mukjizat para nabi, hari kebangkitan, syurga, neraka dan mentafsirkan nas-nas yang menunjukkan perkara tersebut dengan perkara yang bertentangan dari segi bahasa Arab dan agama seperti di atas.
4. Memansuhkan semua agama dan bentuk-bentuk ibadahnya, dan hukuman hudud yang terdapat di dalamnya kerana tidak sesuai bagi dunia zaman moden.

٣. الأرثوذكس (The Orthodox): الذين رأوا أن ولاية الأمر تكون لتشارلز ميسون (Charles Mason) وقد أسس فرقة ركس كنجج (Rex King) في لاس فيغاس (Las Vegas) ونيو ميكسيكو (New Mexico).

### مبادئ البهائيين

١. إن للوحي تأويلات سامية ومفاهيم خفية لا يجليها إلا ربها أي البهاء. وللقرآن ظاهر وباطن وما يعلم تأويله إلا الله أي البهاء. وبناء على هذا المبدأ حرفوا آيات من القرآن حسب هواهم. فكل ما ورد من ألفاظ القيامة والبعث والحشر وما جرى مجراها فهي عبارة عن ظهور البهاء بالأمر، والجنة كناية عن الدخول في دينه، والنار كناية عن الكفر به، واليوم الآخر يوم ظهوره، ولقاء الله لقاءه، والنفخ في الصور الجهر بالدعوة، وصعق السماوات والأرض كناية عن نسخ الأديان بدينه.
٢. القول بموت عيسى صلبا، وعدم عودته بنفسه، وإنما تحل روحه في غيره أي البهاء أو خليفته.
٣. إنكار معجزات الأنبياء، والبعث، والحشر، والجنة والنار، وتأويل النصوص الدالة عليها بما يتنافى مع اللغة والدين كما سبق.
٤. نسخ جميع الأديان ورسوم عباداتها، والحدود الواردة فيها، لعدم صلاحيتها للعالم في عصر التقدم.

Kerana inilah agama baru ini hadir untuk manusia berkulit putih kemerahan dan hitam. Antara Hukum-hukum yang terdapat di dalamnya:

- 1) Ibadat solat adalah 9 rakaat pada pagi, tengahari dan petang. Mereka menghapuskan solat berjemaah kecuali untuk solat jenazah.
- 2) Qiblat adalah di Bandar Acre, Palestin, ibadah haji di sana untuk lelaki sahaja, wanita dilarang berhijab, dibenarkan bercampur antara lelaki dan perempuan, menjadikan hukuman hudud dalam bentuk bayaran denda, dan reka-rakaan yang lain.
- 3) Setahun terdapat 19 bulan, 1 bulan terdapat 19 hari, ibadah berpuasa sebulan bermula dari terbit fajar hingga terbenamnya matahari, dan 5 hari tambahan untuk menyempurnakan jumlah hari setahun adalah "hari-hari kebebasan" bagi penganut agama ini dan hari raya mereka ialah hari Nairuz.
- 4) Tajalla Allah pada setiap pemimpin Bahaiyyah iaitu penjelmaan Allah sepertimana kepercayaan orang Kristian dengan penjelmaan *Lahut* (Tuhan) dalam diri *Nasut* (Manusia).

#### Cara mereka berdakwah kepada mazhab mereka

Mereka berdialog dengan setiap pengikut mana-mana mazhab dan agama mengikut kehendak hawa nafsu mereka. Kita dapati pendakwah itu antaranya seorang muslim yang wara', bertakwa apabila berdakwah kepada orang Islam, seorang kristian apabila berdakwah kepada orang kristian, seorang Yahudi apabila berdakwah kepada orang Yahudi – ini menyebabkan penganut setiap agama menganggap ianya adalah sebahagian daripada mereka. Ini kerana ia ingin memperbaiki dan menghilangkan perasaan dendam/dengki di kalangan pengikut mazhab dan agama.

ولهذا جاء بدينه الجديد للأحمر والأسود. ومما ورد في أحكامه:

١. إن الصلاة تسع ركعات في البكور والزوال والأصال، وقد بطلت صلاة الجماعة إلا في الصلاة على الميت.
٢. القبلة عكا، والحج إليها للرجال دون النساء، وتحريم الحجاب، وإباحة السفور والاختلاط، وجعل الحدود عقوبات مادية، وغير ذلك من مفترياتهم.
٣. الشهور تسعة عشر شهرا، والشهر تسعة عشر يوماً، والصوم شهر واحد من طلوع الشمس إلى غروبها، والخمسة أيام التي يكمل بها العام أيام إباحة لأتباع هذه النحلة، وأول يوم عيدهم يوم النيروز.
٤. تجلى الله في كل زعيم للبهائية أي حلوله فيه كما يقول المسيحيون بحلول اللاهوت في الناسوت.

#### طريقتهم في الدعوة إلى مذهبهم

مخاطبة أهل كل مذهب ودين بما يوافق هواهم فنجد الداعية منهم مسلماً ورعاً تقياً مع المسلمين، ونصرانياً مع النصارى، ويهودياً مع اليهود، يوهم أهل كل دين بأنه منهم، وأنه يريد الإصلاح وإزالة الضغائن بين أهل المذاهب والأديان.

Apabila seseorang itu lemah imannya, maka pendakwah ini akan menimbulkan keraguan pada agamanya dan mendatangkan kesamaran seterusnya mentafsirkan ayat-ayat al Quran dengan apa yang sesuai mengikut sangkaan dan hawa nafsunya. Kemudian mereka mengajak seseorang itu kepada menyembah manusia.

Inilah keadaan mereka di negara-negara Timur (negara-negara Islam) : Menipu dan bersikap munafik bersama orang Islam. Mereka menzahirkan keimanan dan menyembunyi kekufuran mereka. Namun di Eropah dan Amerika, dakwah mereka dilakukan secara terang-terangan dan tanpa rasa takut.

الإجابة:

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

فإن أنس الضعف من أحد أخذ يشككه في دينه، وأورد عليه الشبه،  
وأول الآيات بما ينطبق على مزاعمه وهواه، ثم يدعوه إلى عبادة البشر والعياذ  
بالله.

هذا شأنهم في ممالك الشرق: خداع ونفاق مع المسلمين، يظهرون  
الإيمان ويبطنون الكفر، أما في أوروبا وأمريكا فدعوتهم جهارا لا يخشون حسابا

أسئلة:

س ١: كيف ظهرت البهائية؟

س ٢: ما أهم مبادئ البهائيين؟

س ٣: ما طريقتهم في الدعوة إلى مذهبهم؟

### AL-QADIANI (AL-AHMADIAH)

Mereka adalah pengikut Ghulam Ahmad yang dilahirkan di Qadian, Daerah Punjab, India pada tahun 1253 H. Beliau mempelajari bahasa Arab, ilmu Mantiq, Falsafah dan ilmu perubatan dan membaca ilmu-ilmu agama. Kemudian beliau menjadi pegawai di pejabat pentadbiran Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British dan kemudiannya dia meletakkan jawatannya. Semasa ayahnya jatuh sakit, beliau mendakwa bahawa wahyu telah diturunkan kepadanya dan memberitahunya tentang tarikh kematian ayahnya, kemudian beliau memberitahu wahyu sentiasa turun kepadanya. Para ulama bangkit menentangnya namun kerajaan Inggeris melindunginya dan beliau meninggal dunia pada tahun 1908.

Para pengikutnya kekal sebagai satu kumpulan sepanjang hidupnya dan zaman penggantinya iaitu Nuruddin. Namun pada akhir hayat Nuruddin mulalah timbulnya perselisihan dan kesannya selepas kematiannya mereka telah terbahagi kepada dua kumpulan:

1. Kumpulan Qadian, pemimpin mereka ialah Mahmud bin Ghulam Ahmad dan kumpulan ini beriman dengan kenabian Ghulam Ahmad.
2. Kumpulan Lahore, pemimpin mereka ialah Muhammad Ali yang menterjemahkan al-Quran dalam bahasa Inggeris dan menyatakan kepercayaannya bahawa Gulam Ahmad adalah *muslih* (orang yang memperbaiki agama). Ini bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh pencipta agama itu iaitu beliau adalah imam Mahdi - nabi yang diutus – nabi Isa a.s yang dijanjikan.

kumpulan Qadianiah ini telah berkembang mengikut arus zaman apabila Ghulam Ahmad memulakan gerakannya sebagai pendakwah yang menzahirkan Islam, sehinggalah berakhir dengan pengakuannya sebagai seorang nabi yang diutuskan. Antara kepercayaan mereka ialah bahawa Allah swt itu berpuasa, solat, tidur, jaga dan melakukan kesilapan

### القديانية (الأحمدية)

هم أتباع غلام أحمد المولود في (قديان) مركز بنجاب بالهند سنة ١٢٥٣ هـ ، تعلم اللغة العربية والمنطق والفلسفة والطب، واطلع على العلوم الدينية، ثم تقلد وظيفة في إدارة نائب المندوب السامي البريطاني. ثم استقال منها، ولما مرض والده ادعى أنه نزل عليه الوحي وأخبره بموعد وفاة والده، ثم أخبر بتتابع نزول الوحي عليه، وقد قامت في وجهه العلماء وحمته الدولة الإنجليزية وهلك سنة ١٩٠٨ م.

وقد ظل أتباعه فرقة واحدة مدة حياته وأيام خليفته نور الدين، وفي آخر حياة نور الدين ابتداء الخلاف، وكان من أثره انقسامهم بعد وفاته إلى شعبتين:

١. شعبة قديان ورئيسهم محمود بن غلام أحمد وهي تدين بنبوة أحمد.
٢. شعبة لاهور وزعيمهم محمد علي الذي ترجم القرآن إلى اللغة الإنجليزية، ويعلن عن اعتقاده بأن غلام أحمد مصلح، وهذا خلاف ما أعلنه مبتدع النحلة من أنه مهدي. نبي مرسل. عيسى الموعود به.

لقد تطورت القديانية حديثا تبعا للزمان فإذا كان غلام أحمد بدأ نشاطه كداعية مظهرًا للإسلام فقد انتهى به الأمر بنبوة هي أرقى مما تنزل على النبي، ومن معتقداتهم أن الله يصوم ويصلي وينام يصحو ويخطئ.



Qadiani percaya bahawa tuhan mereka adalah orang Inggeris, bercakap dalam bahasa Inggeris dan Jibril telah memberinya ilham-ilham seperti al-Quran. Akhirnya mereka adalah sebagai pengikut agama dan syariat yang baharu.

#### Asas kepercayaan Qadiyaniah

- 1- Mengatakan bahawa nabi belum berakhir dan mentakwilkan apa yang menunjukkan pengutusan nabi telah berakhir (kepada maksud yang lain).
- 2- Gulam Ahmad adalah Imam Mahdi dan juga nabi yang menyokong syariat nabi Muhammad saw, dia adalah Nabi Isa yang dijanjikan.
- 3- Pintu wahyu masih terbuka kepada semua manusia. Wahyu telah turun kepadanya dan didengari oleh sebahagian pengikutnya.
- 4- Mengharamkan jihad dan mengajak supaya taat kepada pemerintah Inggeris.
- 5- Bandar Qadyan dan masjidnya adalah sama seperti Mekah dan masjidnya. Mereka mengerjakan haji di Qadyan sama seperti mengerjakan Haji di Mekah, dan ia merupakan tempat ke-3 paling suci. Masjidnya di Qadyan itu dinyatakan dalam al Quran, Firman Allah swt : “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin)”. (surah al Isra’ : 1) dan rakan-rakan Ghulam Ahmad ada seperti para sahabat nabi saw.
- 6- Mengkafirkan orang Islam yang tidak mempercayainya dan menyamakan mereka dengan orang Yahudi yang mendusta Al-Masih dalam salasilah nabi Musa a.s. Mereka ini jugak mendustakan Al-Masih (iaitu dirinya sendiri) dalam salasilah Islam. Melarang mengadakan hubungan dengan orang Islam dan berkahwin dengan mereka. Melebihkan dirinya dan pengikutnya berbanding semua nabi dan pengikut mereka.
- 7- Mereka mendakwa bahawa maksud sebenar ayat-ayat Al-Quran itu yang hanya diketahui oleh Al-Masih Qadyani (Ghulam Ahmad) dan mereka tidak menerima bahawa sunnah rasul sebagai sumber pensyariat Islam.

يعتقد القادياني أن إلهه إنجليزي يخاطبه باللغة الانجليزية وأن جبريل كان يلهمه إلهامات كالقرآن. انتهى بهم الأمر إلى أنهم أصحاب دين جديد مستقل وشريعة مستقلة.

#### مبادئ القديانية:

- ١) القول بعدم ختم النبوة وتأويل ما يدل على ختمها.
- ٢) غلام أحمد هو المهدي، والنبي المؤيد لشريعة مُحَمَّد ﷺ وهو المسيح الموعود به.
- ٣) باب الوحي مفتوح للناس وقد نزل عليه الوحي ويسمعه بعض أتباعه.
- ٤) تحريم الجهاد. والدعوة لطاعة ولادة الأمور الإنجليز
- ٥) قديان ومسجدها تماثل مكة ومسجدها. والحج إليها مثل مكة، فهي ثالث الأماكن المقدسة. ومسجدها المشار إليه بقوله: ﴿سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى﴾ (الإسراء : ١) وأن رفاق الغلام كالصحابة
- ٦) تكفير من لا يصدق به من المسلمين. وتمثيلهم باليهود الذين كذبوا المسيح في السلسلة الموسوية، وهؤلاء كذبوا المسيح (يعني نفسه) في السلسلة الإسلامية، ومنع الصلة بالمسلمين ومصاهرتهم، وتفضيله وأتباعه على جميع الأنبياء وأتباعهم.
- ٧) ادعائهم أن المعنى المقصود من الآيات لا يدركها إلا المسيح القدياني، وإنكارهم أن سنة الرسول أصل في التشريع.

## Muzakirah al Firaq STAM

Pada bulan Rabiul Awal tahun 1394 Hijrah, telah diadakan persidangan yang besar di Rabitah 'Alam Islami, Mekah yang telah dihadiri perwakilan dari pertubuhan Islam antarabangsa. Mereka telah mengisytiharkan kumpulan qadyaniah ini kafir dan terkluarnya dari Islam, lalu Majlis Agama Islam Pakistan telah mengadakan dialog bersama ketua kumpulan ini iaitu Mirza Ahmad hampir 30 jam, di mana Ahmad tak dapat menjawabnya.

Oleh itu, Majlis Agama Islam Pakistan telah memutuskan: Qadyaniah adalah kumpulan kecil yang bukan Islam; berdasarkan keterangan di atas dengan tambahan berikut:

1. Menyamakan Allah swt dengan manusia.
2. Dakwaannya bahawa dia adalah anak Tuhan
3. Kepercayaannya dengan keyakinan penjelmaan dan penyatuan dengan tuhan.

Kumpulan ini masih lagi wujud sehingga sekarang di India dan Pakistan. Mereka begitu aktif di Afrika yang mana mereka mempunyai 5000 pendakwah di Afrika.

الإجابة :

---

---

---

وفي شهر ربيع الأول سنة ١٣٩٤هـ انعقد مؤتمر كبير برابطة العالم الإسلامي بمكة المكرمة حضره ممثلون للمنظمات الإسلامية العالمية وأعلنوا كفر هذه الطائفة وخروجها عن الإسلام، وقام مجلس الأمة الباكستاني بمناقشة زعيم الطائفة مرزا أحمد قرابة ثلاثين ساعة عجز فيها ناصر أحمد عن الأجوبة.

فأصدر المجلس قرار. باعتبار القديانية أقلية غير مسلمة. نظرا لما تقدم بالإضافة إلى ما يلي:

- ١) تشبيه الله تعالى بالبشر
- ٢) ادعاؤه أنه ابن الإله.
- ٣) إيمانه بعقيدة التناسخ والحلول والاتحاد

ولهم وجود الآن في الهند وباكستان ولهم نشاط كبير في أفريقيا حيث إن لهم في أفريقيا ٥٠٠٠ داعية.

أسئلة:

س١ - من القديانيون؟ وكيف انقسمت هذه الفرقة بعد وفاة مؤسسها؟

س٢ - ما أهم مبادئهم؟

### Sesatnya Dakwaan Batiniyah, Bahaiyah dan Qadyaniyah

Setelah kami nyatakan kepada anda tentang asas kepercayaan ketiga-tiga kumpulan ini, jelaslah ianya bercanggah dengan asas dan prinsip Islam. Ianya menghancurkan syariah, menggugurkan kewajipan-kewajipannya. Mereka ini telah dihukumkan sebagai kafir. Mereka berada di tengah-tengah masyarakat membawa kesesatan mereka dengan cara sebagai orang Islam. Al-Quran mempunyai bentuk zahir dan batin. Tidak ada yang mengetahui batin al Quran itu kecuali pemimpin mereka sahaja. Kemudian mereka mentafsirkan Al-Quran dengan perkara yang merosakkan KIslam dan menruntuhan asas-asanya.

Sesungguhnya Allah swt telah menurunkan kitab-kitab Samawi dalam bahasa kaum para nabi untuk menjelaskan kepada mereka apa yang diturunkan kepada mereka, maka mereka memahaminya dan beriman dengannya. Firman Allah swt: “Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka”. (Surah Ibrahim : 4)

Allah swt turunkan Al-Quran kepada nabi Muhammad saw dan memerintahkannya menerangkannya kepada manusia, lalu baginda melaksanakannya. Allah swt telah menyempurnakan nikmat agamanya kepada kita dengan jelas dan terang serta tidak meninggalkan penjelasannya kepada seorang pun selepas Rasulullah saw,

Firman Allah swt: “dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka”. (An-Nahl : 44)

Firman Allah swt: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”. (Surah Al-Maidah : 3)

Sesiapa yang mendakwa menjadi nabi dan tuhan, mereka telah jauh daripada jemaah Islam. Sesungguhnya kenabian telah berakhir dengan risalah nabi Muhammad saw

Firman Allah swt: “Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi dia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi”.

(Surah Al-Ahzab : 40)

Rasullullah saw bersabda: “Tidak ada nabi lagi selepasku”.

### بطلان دعوى الباطنية والبهائية والقديانية

بعد أن سردنا لك مبادئ هذه الفرق الثلاث تبين لك أنها منافية لقواعد الإسلام ومبادئه، هادمة للشريعة ومسقطة لتكاليفها، مسجلة الكفر عليهم، يدخلون على الناس بضلالاتهم عن طريق أنهم مسلمون، وأن للقرآن ظاهر وباطن، ولا يعلم باطن القرآن إلا زعماءهم، ثم يؤولون القرآن بما يهدم شريعة الإسلام وينقض قواعده.

وقد أنزل الله الكتب السماوية بلغة أقوام الأنبياء ليسيئوا لهم ما نزل عليهم فيتبينوه ويؤمنوا به. قال تعالى: ﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ﴾<sup>١١</sup> وقد أنزل الله القرآن على سيدنا محمد ﷺ وأمره ببيانه للناس فبينه. وأتم الله علينا نعمة دينه واضحا جليا، لم يترك بيانه لأحد بعد رسول الله ﷺ ،

قال تعالى: ﴿وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ﴾<sup>١٢</sup> وقال: ﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾<sup>١٣</sup>

وإن ما ادعوه من النبوة والألوهية أبعدهم عن جماعة المسلمين فقد ختمت النبوة برسالة سيدنا محمد ﷺ ؛

قال تعالى: ﴿مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ﴾<sup>١٤</sup> وقال رسول الله ﷺ: [لا نبي بعدي].

<sup>١١</sup> سورة إبراهيم : ٤

<sup>١٢</sup> سورة النحل : ٤٤

<sup>١٣</sup> سورة المائدة : ٣

<sup>١٤</sup> سورة الأحزاب : ٤٠

Sesungguhnya Allah swt telah menafikan dakwaan bahawa Nabi Isa AS disalib dan dibunuh dengan firman Allah swt: “Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang iaitu salib), tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa)”. (Surah An-Nisa':157)

Manakala dakwaan manusia menjadi Tuhan, maka begitu jelas kesesatannya Firman Allah swt: “ Allah, tidak ada Tuhan selain Dia, Yang Maha Hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalin makhlukNya)”.  
(Surah Al-Baqarah:255)

Golongan ini telah kafir, mereka layak untuk menerima azab Allah seperti digambarkannya dan yang seumpama mereka.

Firman Allah swt:

“Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara yang dusta terhadap Allah atau orang yang berkata: "Telah diberi wahyu kepadaku", padahal tidak diberikan sesuatu wahyupun kepadanya dan orang yang berkata: "Aku akan menurunkan seperti apa yang diturunkan Allah". Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan sakratulmaut (ketika hendak putus nyawa), sedang malaikat-malaikat pula menghulurkan tangan mereka (memukul dan menyeksa orang-orang itu) sambil berkata (dengan menengking dan mengejek): Keluarkanlah nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri); pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina (kamu) sehina-hinanya, disebabkan apa yang telah kamu katakan terhadap Allah dengan tidak benar dan kamu pula (menolak dengan) sombong takbur akan ayat-ayat keterangannya”.  
(Surah Al-An'am : 93)

الإجابة :

---

---

---

---

---

وقد كذب الله من ادعى صلب المسيح وقتله بقوله: ﴿وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ شُبِّهَ لَهُمْ﴾<sup>١٥</sup>

أما دعوى البشر الألوهية فبديهية البطلان: ﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ﴾<sup>١٦</sup>

وإذا فقد كفر هؤلاء واستحقوا ما وصفهم الله به وأمثالهم،

قال تعالى: ﴿وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَوْ تَرَى إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُو أَيْدِيهِمْ أَخْرَجُوا أَنْفُسَكُمْ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنْتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنْتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ﴾<sup>١٧</sup>

أُسْئَلَةُ :

س ١- كيف يرد على دعوى الباطنية والبهائية والقديانية؟

<sup>١٥</sup> سورة النساء: ١٥٧

<sup>١٦</sup> سورة البقرة: ١٥٥

<sup>١٧</sup> سورة الأنعام: ٩٣